

TERMA DAN SYARAT KAD KREDIT HONG LEONG – AIRASIA

Terma dan syarat berikut hendaklah dibaca bersama dengan Terma dan Syarat Perjanjian Pemegang Kad (“Perjanjian”) Hong Leong Bank (“Bank”). Melainkan dan kecuali mengenai variasi yang dinyatakan di bawah, semua terma dan syarat Perjanjian adalah dikenakan. Sekiranya berlaku sebarang pertikaian atau percanggahan antara terma dan syarat Perjanjian dengan Terma dan Syarat Kad Kredit Hong Leong - AirAsia (“Terma dan Syarat Kad”) yang terkandung di sini, Terma dan Syarat Kad akan mengatasinya setakat yang berkenaan dengan Kad Kredit Hong Leong - AirAsia.

1. Definisi:

- (a) “Kad” bermaksud Kad Kredit Hong Leong – AirAsia yang dikeluarkan oleh pihak Bank dan meliputi kad tambahan, sekiranya berkenaan.
- (b) “Akaun Kad” bermaksud akaun Pemegang Kad Utama dengan pihak Bank, yang dibuka sehubungan dengan Kad.
- (c) “Pemegang Kad Utama” bermaksud Pemegang Kad utama yang Kadnya dikeluarkan oleh pihak Bank.
- (d) “BIG” bermaksud program pengguna penerbangan kerap yang dimiliki dan dikendalikan oleh Big Loyalty Sdn Bhd (dahulunya dikenali sebagai Think Big Digital Sdn Bhd (Nombor Pendaftaran Syarikat: 924656-U), sebuah anak syarikat AirAsia.
- (e) “Akaun BIG” bermaksud akaun keahlian kesetiaan BIG yang mana diberikan mata BIG dan dikumpul.
- (f) “Ahli BIG” bermaksud mana-mana individu yang diiktiraf oleh AirAsia dan/atau BIG, dalam budi bicara mutlak sebagai ahli BIG.
- (g) “Mata BIG” bermaksud kredit (dalam kiraan mata) yang diberikan oleh AirAsia kepada Ahli BIG.
- (h) “AirAsia” bermaksud AirAsia Berhad (No. Syarikat: 284669-W).
- (i) “Saudagar” ialah individu, firma atau syarikat yang terlibat dalam perniagaan menjual dan menyediakan barangan dan/atau perkhidmatan.
- (j) “Ulang Tahun Kad” bermaksud tarikh ulang tahun pengeluaran Kad.
- (k) “Program” bermaksud program Kad Kredit Hong Leong – AirAsia dan termasuk mana-mana variasi atau pindaan terhadapnya yang mungkin dibuat oleh pihak Bank dari semasa ke semasa, mengikut budi bicaranya.
- (l) Transaksi Runcit” atau “Perbelanjaan Runcit”, bagi tujuan Program ini, bermaksud pembelian mana-mana barangan atau perkhidmatan di dalam negeri atau luar negara yang dibuat dengan atau dicajkan kepada Kad, tidak termasuk:
 - Pendahuluan Tunai;
 - Tunai Separa (Quasi) cth. Transaksi berkaitan pertaruhan dan permainan;
 - Transaksi berkaitan Kerajaan dan JomPAY;
 - Fi Tahunan;
 - Pindahan Baki;
 - Caj Bayaran Lewat;
 - Caj Berbantah;
 - Caj Penipuan;
 - Caj Kewangan;
 - Fi Penggantian Kad;
 - Caj Penghantaran;
 - Pembayaran Tunai;
 - Cukai Kerajaan (jika berkenaan);
 - Sebarang fi, caj atau penalti lain yang ditanggung oleh Pemegang Kad.
- (m) “RM” atau “Ringgit” bermaksud Ringgit Malaysia.
- (n) Pemegang Kad Tambahan” bermaksud orang yang Kad Tambahan dikeluarkan oleh pihak Bank kepadanya setelah dimohon oleh Pemegang Kad Utama.
- (o) Melainkan dinyatakan sebaliknya dalam konteks, perkataan dan ekspresi yang ditakrifkan atau dimaksudkan dalam Perjanjian membawa maksud yang sama apabila digunakan atau dirujuk di sini dan perkataan yang merujuk kepada jantina lelaki hendaklah meliputi jantina wanita manakala perkataan yang merujuk kepada bilangan tunggal hendaklah meliputi bilangan majmuk dan sebaliknya.

- Program ini disediakan kepada Pemegang Kad Utama dan adalah tertakluk kepada terma dan syarat berikut serta terma dan syarat dalam Perjanjian.

Pengumpulan Mata BIG

- Untuk layak menerima Mata BIG, Pemegang Kad Utama mestilah seorang Ahli BIG yang berdaftar dengan AirAsia dan Akaun Kad mestilah sah/aktif, dalam kedudukan yang baik, bukan berada dalam status culas dan mestilah tidak melanggar mana-mana Terma dan Syarat Kad serta terma dan syarat Perjanjian. Kelayakan akan dibatalkan sekiranya Pemegang Kad Utama telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang tindakan pemalsuan, menyalahi undang-undang atau kesalahan sehubungan dengan Akaun Kad dan/atau kemudahan atau perkhidmatan lain yang disediakan oleh pihak Bank.
- Sekiranya Pemegang Kad Utama bukan seorang Ahli BIG berdaftar pada masa permohonan Kad, Pemegang Kad Utama dengan ini memberi kuasa dan mengizinkan pihak Bank untuk mendedahkan maklumat peribadi Pemegang Kad Utama kepada AirAsia dan/atau BIG untuk tujuan permohonan pendaftaran Pemegang Kad Utama dengan AirAsia sebagai seorang Ahli BIG. Maklumat peribadi yang mungkin didedahkan oleh pihak Bank adalah meliputi nama, nombor kad pengenalan/nombor passport, alamat, tarikh lahir, alamat e-mel, nombor (-nombor) untuk dihubungi, kewarganegaraan dan jantina dan maklumat lain seperti yang diperlukan oleh AirAsia dan/atau BIG untuk memproses permohonan Pemegang Kad sebagai Ahli BIG.
- Mata BIG diberi kepada Pemegang Kad Utama yang layak berdasarkan jumlah Ringgit Transaksi Runcit yang dibuat dengan Kad dan dikumpul secara harian mengikut setiap transaksi dan dikenakan kepada Maya BIG terdekat mengikut kaedah berikut:

Transaksi Tunai	Kad Kredit Hong Leong – Hong Leong – AirAsia Gold	Kad Kredit Hong Leong – Hong Leong – AirAsia Platinum
AirAsia ¹	RM1 = 6 Mata BIG	RM1 = 6 BIG Points
Luar Negara ² (Bukan Ringgit Malaysia)	RM2 = 1 Mata BIG	RM2 = 1 Mata BIG
Dalam Negara ³ (Ringgit Malaysia)	RM5 = 1 Mata BIG	RM3 = 1 Mata BIG

¹ **Transaksi Runcit AirAsia** merujuk kepada Transaksi Runcit dengan Kod Kategori Saudagar (MCC) 4511, yang mana nama Saudagar merangkumi kata kunci 'Air Asia' atau 'AirAsia'

² **Transaksi Runcit Luar Negara** merujuk kepada mana-mana Transaksi Runcit yang dilakukan dalam mata wang asing, cth. mata wang bukan Ringgit Malaysia, tanpa mengambil kira lokasi di mana transaksi dilakukan.

³ **Transaksi Runcit Dalam Negara** merujuk kepada mana-mana Transaksi Runcit yang dilakukan dalam Ringgit Malaysia, tanpa mengambil kira lokasi di mana transaksi dilakukan.

- Mata BIG Bonus diberikan kepada Pemegang Kad Utama mengikut kaedah berikut:

	Kad Kredit Hong Leong - AirAsia Gold	Kad Kredit Hong Leong - AirAsia Platinum
Bonus Selamat Datang	3,000 Mata BIG Tambahan akan diberikan dengan Perbelanjaan Runcit sebanyak RM1,500 (transaksi yang dipaparkan) dalam masa 60 hari dari tarikh kelulusan Kad Utama.	5,000 Mata BIG Tambahan akan diberikan dengan Perbelanjaan Runcit sebanyak RM2,500 (transaksi yang dipaparkan) dalam masa 60 hari dari tarikh kelulusan Kad Utama.
Bonus Suku Tahunan	3,000 Mata BIG Tambahan akan diberikan dengan Perbelanjaan Runcit sebanyak RM1,500 (transaksi yang dipaparkan) setiap Suku Kalendar*.	5,000 Mata BIG Tambahan akan diberikan dengan Perbelanjaan Runcit sebanyak RM5,000 (transaksi yang dipaparkan) setiap Suku Kalendar*.

*** Definisi Suku Kalendar:**

- Suku 1: 1 Januari hingga dan termasuk 31 Mac
- Suku 2: 1 April hingga dan termasuk 30 Jun
- Suku 3: 1 Julai hingga dan termasuk 30 September
- Suku 4: 1 Oktober hingga dan termasuk 31 Disember

7. Bonus Selamat Datang adalah terpakai untuk kedua-dua Pemegang Kad Utama Baharu dan Sedia Ada setelah memenuhi kriteria seperti yang dinyatakan dalam Klausa di atas, terhadap sebanyak SATU pemenuhan setiap Pemegang Kad, tanpa mengambil kira bilangan permohonan dan kelulusan Kad. Bonus Selamat Datang akan dikreditkan kepada Akaun BIG Pemegang Kad Utama sebelum tarikh penyata seterusnya dalam masa 60 hari dari tarikh kelulusan Kad.
8. Bonus Suku adalah terpakai kepada Pemegang Kad Utama Baharu dan Sedia Ada setelah memenuhi kriteria yang dinyatakan dalam Klausa 6 di atas, tanpa sebarang had pada jumlah Bonus Suku yang diperolehi setiap tahun. Bonus Suku akan dikreditkan kepada Akaun BIG Pemegang Kad Utama pada penghujung bulan kalendar yang berikutnya selepas tarikh penyata Kad pada penghujung setiap Suku Kalendar.
9. Mata BIG yang diperolehi oleh Pemegang Kad Tambahan akan dikreditkan kepada Akaun BIG Pemegang Kad Utama. Jumlah Mata BIG yang diperolehi secara terkumpul oleh Pemegang Kad Utama dan Pemegang Kad Tambahan (secara kolektif dirujuk sebagai "Pemegang Kad") akan dinyatakan dalam penyata akaun Kad bulanan Pemegang Kad Utama dan akan dikreditkan kepada Akaun BIG Pemegang Kad Utama.
10. Bagi mengelakkan keraguan, walaupun Mata BIG boleh diberi sehubungan dengan Transaksi Runcit yang dibuat oleh Pemegang Kad Tambahan, namun begitu Mata BIG tersebut akan hanya dikreditkan kepada Akaun BIG Pemegang Kad Utama dan hanya Pemegang Kad Utama berhak untuk membuat sebarang penebusan Mata BIG.
11. Pihak Bank akan berusaha sebaik mungkin untuk membuatkan Mata BIG dikreditkan kepada akaun BIG Pemegang Kad Utama pada penghujung bulan kalendar mengikut tarikh penyata yang berkaitan dengan Kad. Namun begitu, pihak Bank mungkin mengubah tarikh dan kekerapan pengkreditan Mata BIG tersebut mengikut budi bicaranya yang tunggal dan mutlak dengan notis terlebih dahulu. Meskipun Mata BIG yang diperolehi oleh Pemegang Kad akan dinyatakan dalam penyata bulanan akaun Kad Pemegang Kad Utama, hanya Mata BIG yang telah dikreditkan kepada Akaun BIG Pemegang Kad yang boleh ditebus. Pihak Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang kelewatan dan/atau ketinggalan dalam memproses dan mengkreditkan Mata BIG kepada akaun BIG Pemegang Kad Utama.
12. Mata BIG yang dikreditkan kepada akaun BIG Pemegang Kad Utama dengan MAS hanya boleh digunakan untuk penebusan yang dibuat di bawah program BIG, tertakluk kepada terma dan syarat yang dikenakan oleh AirAsia dan/atau BIG yang boleh dipinda dari semasa ke semasa.
13. Mata BIG yang diperolehi tidak mempunyai nilai tunai atau kewangan. Melainkan dinyatakan sebaliknya, Mata BIG yang diperolehi tidak boleh dipindah milik kepada sesiapa atau pihak ketiga atau entiti ataupun ditukarkan untuk tunai atau kredit. Bagi mengelakkan keraguan, Mata BIG daripada Akaun Kad yang telah luput atau ditutup tidak boleh dipindahkan kepada mana-mana Akaun Kad sedia ada.
14. Pihak Bank mempunyai hak dan budi bicara mutlak pada bila-bila masa dengan notis terlebih dahulu dan tanpa perlu memaklumkan sebarang alasan kepada Pemegang Kad serta tanpa liabiliti kepada Pemegang Kad, untuk menggantung, membatalkan dan/atau menamatkan atau mengubah Program ini bagi tempoh masa yang tidak pasti. Tanpa menghadkan keluasan makna peruntukan-peruntukan yang berkuat kuasa, pihak Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan kepada Pemegang Kad atas penggantungan, pembatalan atau penamatan Program atau sebarang manfaat yang tersedia di bawahnya jika AirAsia dan/atau BIG mengambil semula atau menarik balik mana-mana manfaat atau tawaran yang dibuat di bawah Program, termasuk sebarang pembatalan, penggantungan, penarikan balik dan/atau perubahan BIG dalam apa jua keadaan yang menjejaskan pihak Bank dan/atau Pemegang Kad.

15. Pemegang Kad Utama hendaklah menghubungi AirAsia dan berurusan secara langsung dengan AirAsia sehubungan dengan penebusan Mata BIG atau sebarang pertanyaan atau pertikaian berkaitan dengan akaun BIG Pemegang Kad Utama dengan AirAsia. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada Pemegang Kad Utama terhadap sebarang tindakan atau ketinggalan oleh AirAsia sehubungan dengan BIG, termasuk tetapi tidak terhad kepada penebusan Mata BIG oleh Pemegang Kad Utama.
16. Sekiranya Kad Pemegang Kad Utama dibatalkan atau ditamatkan sama ada oleh Pemegang Kad Utama atau pihak Bank, Pemegang Kad Utama tidak berhak mendapat Mata BIG yang diperolehi menerusi Transaksi Runcit yang dibuat dengan Kad yang belum dikreditkan kepada akaun Enrich Pemegang Kad Utama dengan AirAsia meskipun Mata BIG yang diperolehi itu mungkin telah dimasukkan ke dalam penyata akaun Pemegang Kad Utama. Mata BIG yang diperolehi itu akan dibatalkan secara automatik dan/atau dibatalkan berikutan pembatalan/penamatan Kad tersebut. Sekiranya Kad Pemegang Kad digantung sementara, Mata BIG yang diperolehi menerusi Transaksi Runcit yang dibuat dengan Kad yang belum dikreditkan kepada akaun BIG Pemegang Kad Utama dengan AirAsia tidak akan dikreditkan kepada akaun Pemegang Kad Utama dengan AirAsia tetapi akan terus dikumpulkan ("Mata BIG Terkumpul"). Mata BIG Terkumpul sedemikian akan hanya dikreditkan kepada Akaun BIG Pemegang Kad Utama dengan AirAsia setelah penggantungan tersebut ditarik balik. Sekiranya penggantungan tidak ditarik balik dan Kad tersebut dibatalkan atau ditamatkan, Mata BIG Terkumpul sedemikian akan dibatalkan dan Pemegang Kad tidak akan mempunyai hak tuntutan kepada pihak Bank atau AirAsia sehubungan dengan Mata BIG Terkumpul yang dibatalkan itu.
17. Sekiranya mana-mana Transaksi Runcit terpaksa dibalikkan atau dibatalkan pada Kad yang akan ditentukan mengikut budi bicara mutlak pihak Bank tanpa melibatkan sebarang liabiliti oleh pihak Bank, pihak Bank berhak mengikut budi bicara tunggal dan mutlaknya untuk mendebitkan Mata BIG yang diperolehi melalui Transaksi Runcit daripada akaun Kad Pemegang Kad Utama yang terpaksa dibalikkan atau dibatalkan pada kadar pertukaran tersebut yang ditentukan oleh Bank mengikut budi bicara tunggal dan mutlaknya, jika Mata BIG yang diperolehi melalui Transaksi Runcit itu telah ditebus oleh Pemegang Kad Utama.
18. Transaksi Runcit yang dibuat menggunakan Kad dan penukarannya kepada Mata BIG akan dipaparkan dalam penyata bulanan akaun Kad yang dikeluarkan oleh pihak Bank kepada Pemegang Kad. Pemegang Kad dengan ini bersetuju secara nyata dan berjanji dengan pihak Bank bahawa adalah menjadi kewajipan Pemegang Kad untuk melaporkan kepada pihak Bank secara bertulis dan dalam tempoh masa tertentu seperti yang mungkin dinyatakan oleh pihak Bank dalam Perjanjian mengenai sebarang kesilapan, percanggahan atau ketidaktepatan dalam apa jua bentuk sekalipun yang dinyatakan dalam penyata akaun bulanan Kad, terutamanya sehubungan dengan Transaksi Runcit yang berkaitan dengan Mata BIG yang diperolehi. Sekiranya Pemegang Kad tidak memaklumkan pihak Bank secara bertulis mengenai sebarang kesilapan, percanggahan atau ketidaktepatan tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan dalam Perjanjian, Pemegang Kad akan dianggap telah menerima entri tersebut sebagai betul dan muktamad serta bukti konklusif fakta yang terkandung di situ dan penyata tersebut akan dianggap sebagai terikat kepada Pemegang Kad dan Pemegang Kad tersebut adalah terhalang daripada membuat sebarang tuntutan terhadap pihak Bank dengan mendakwa bahawa penyata tersebut mengandungi sebarang kesilapan, percanggahan atau ketidaktepatan.

Status Platinum Frequent Flyer (hanya terpakai untuk Kad Kredit Hong Leong - AirAsia Platinum)

19. Pemegang Kad Utama AirAsia akan dinaik taraf secara automatik kepada status BIG Frequent Flyer Platinum ("Status FFP") untuk tahun keahlian Kad yang pertama. Status FFP untuk tahun seterusnya adalah tertakluk pada Perbelanjaan Runcit minimum sebanyak RM20,000.
20. Keistimewaan yang ditawarkan kepada Status FFP akan ditentukan secara tunggal oleh AirAsia. Bank tidak bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada Pemegang Kad Utama atas sebarang tindakan atau ketinggalan oleh AirAsia sehubungan dengan FFP.

Terma dan Syarat Am

21. Terma dan syarat dalam dokumen ini adalah dikawal selia dan ditakrif mengikut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.
22. Setelah memberi notis terlebih dahulu, pihak Bank berhak untuk mengubah (sama ada dengan menambah, memotong, mengubah suai, meminda atau apa cara sekalipun) ("Pindaan") sebarang terma dan syarat di

sini, termasuk tetapi tidak terhad kepada, menukar dan/atau menarik balik Program. Makluman kepada Pemegang Kad sehubungan dengan Pindaan tersebut akan dibuat mengikut budi bicara mutlak pihak Bank menerusi salah satu kaedah komunikasi berikut, iaitu menerusi pos biasa kepada alamat terakhir Pemegang Kad yang diketahui atau dengan memaparkan notis berkaitan Pindaan tersebut di setiap cawangan Bank atau menerusi iklan berkenaan Pindaan tersebut di sebuah (1) akhbar pilihan Bank, atau menerusi laman web Bank di www.hlb.com.my atau dengan cara makluman lain yang boleh dipilih oleh pihak Bank dan bahawa Pindaan tersebut akan dianggap terikat kepada Pemegang Kad mulai tarikh makluman Pindaan tersebut atau mulai tarikh yang mungkin dinyatakan oleh pihak Bank dalam makluman tersebut. Pemegang Kad bersetuju untuk tidak membuat sebarang dakwaan atau tuntutan untuk ganti rugi terhadap pihak Bank atas sebarang kehilangan atau kerugian yang dialami atau ditanggung oleh Pemegang Kad akibat daripada Pindaan tersebut.

23. Keputusan pihak Bank terhadap semua perkara yang berkaitan dengan Program, termasuk penentuan Mata BIG adalah muktamad dan terikat.